



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH BERITA SUKAN TERHADAP SIKAP
JURULATIH DAN PEMAIN BOLA SEPAK***

VIVEKANANDA A/L N. MARIE

FBMK 2021 18



**PENGARUH BERITA SUKAN TERHADAP SIKAP
JURULATIH DAN PEMAIN BOLA SEPAK**

Oleh

VIVEKANANDA A/L N. MARIE

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,Universiti Putra
Malaysia,sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PENGARUH BERITA SUKAN TERHADAP SIKAP JURULATIH DAN PEMAIN BOLA SEPAK

Oleh

VIVEKANANDA A/L N.MARIE

Julai 2020

Pengerusi : Sharil Nizam Sha'ri, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pelaporan sesuatu mesej mesti menggunakan bahasa yang jelas dan tepat dalam menyampaikan isi kandungan kepada pembaca. Laporan dalam surat khabar juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Hampir kesemua surat khabar utama negara mempunyai ruangan sukan bola sepak sebagai daya tarikan kepada pembaca. Laporan sukan bola sepak yang disiarkan boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Laporan yang baik sudah semestinya mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain untuk memberikan persembahan yang baik dan sebaliknya. Laporan yang memberikan motivasi yang baik sudah tentu akan memberikan keyakinan dan semangat kepada jurulatih dan pemain. Berasaskan hal ini, kajian ini adalah mengenai pengaruh laporan berita sukan terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak. Objektif kajian pertama ialah, mengenal pasti laporan berita sukan bola sepak yang mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Objektif kedua, menganalisis laporan penulisan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Motivasi. Objektif ketiga, menganalisis penggunaan bahasa laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Kegunaan dan Kepuasan(U&G). Objektif keempat, merumuskan laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain. Kajian ini telah menggunakan Berita Harian sebagai data kajian dan segmen berita sukan bola sepak Liga Malaysia. Kajian meliputi untuk dua tahun iaitu 2015 dan 2016. Sebanyak 143 laporan berita bagi tahun 2015 dan 157 laporan berita bagi tahun 2016 telah diambil sebagai bahan kajian. Kaedah pensampelan sistematik telah digunakan bagi mengambil 20 buah laporan bagi tahun 2015 dan 2016. Bagi tujuan perbincangan telah diambil sebanyak 5 buah petikan berita bagi tahun 2015 dan 2016. Selain itu, telah dijalankan soal selidik terhadap 7 orang jurulatih bola sepak profesional dan 40 orang pemain bola sepak dalam liga Malaysia. Tujuan dijalankan soal selidik adalah untuk mendapatkan maklum balas tentang laporan berita sukan bola sepak dalam surat khabar.

Data telah dianalisis menggunakan gabungan tatacara analisis kuantitatif dan kualitatif. Hasil dapatan kajian menunjukkan laporan berita sukan boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain terhadap prestasi dan persembahan sesuatu pasukan. Hasil dapatan soal selidik telah dikaitkan dengan jenis motivasi yang digunakan dalam laporan berita sukan bola sepak yang mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Dapatan juga menunjukkan jenis motivasi intrinsik dapat mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Hasil dapatan ketiga menunjukkan, bahasa berita sukan bola sepak boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain bola sepak negara. Pemilihan perkataan dan liputan haruslah lebih rasional dan menjurus ke arah pemikiran yang lebih kritis dalam kalangan pembaca berita sukan di negara kita. Laporan berita sukan yang berbentuk positif dan negatif banyak mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Perubahan bukannya datang dari prestasi sesebuah pasukan, malah dari laporan berita. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh laporan berita sukan terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak.

Kata Kunci : Pengaruh, Laporan Berita sukan, sikap, jurulatih dan pemain

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE INFLUENCE OF SPORTS NEWS DISCOURSE OVER FOOTBALL COACHES AND PLAYERS

By

VIVEKANANDA S/O N. MARIE

July 2020

Chairman : Sharil Nizam Sha'ri, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

The use of clear and accurate language is required when reporting messages, in order to convey the contents to the readers. Newspaper reports too play an important role in conveying messages to readers. Almost all the major newspapers in the country publish football section as an attraction to their readers. Football news reports in newspapers are able to influence the attitude of coaches and players. Good reports definitely influence coaches and players alike to display their best performance and vice versa. Motivating reports will surely increase the confidence and lift the spirit of the coaches and players. Based on this matter, this research is about the influence sports news has over the attitude of football coaches and players alike. The first objective of the research is to identify football news reports that influence the attitude of the coaches and players. The second objective is to analyse the writing of football news reports towards the attitude of coaches and players based on Motivational Theory. The third objective is to analyse the language use in football news report writing towards the attitude of the coaches and players based on 'Uses and Gratification Theory' (U & G). The fourth objective is, to summarise the influence football news report has over the attitude of coaches and players. This research is carried out using Berita Harian as research data and news reports of Malaysia Super League segments. This research was done using the data over two years namely year 2015 and 2016. 143 news reports from the year 2015 and 157 news reports from the year 2016 were used as research data. Systematic Sampling Method was applied to acquire 20 news pieces from the year 2015 and 2016. For the purpose of discussion, 5 news extracts from 2015 and 2016 were used. Besides that, a questionnaire was carried out towards 7 professional football coaches and 40 players of the Malaysian League. The purpose of the questionnaire was to garner feedback about football news in the newspapers. The data was analysed using a combination of quantitative and qualitative analysis. The findings of the research show that news reports can influence the attitude of coaches and players alike with regards to the achievement and performance of a team. The findings of the questionnaire is linked to the type of motivation used in football news report that influences the attitude of coaches and players. The findings too show that intrinsic

motivation influences the attitude of coaches and players. The third finding shows that language use in news report can influence the attitude of national football coaches and players. Choice of words and news coverage should be rational and should result in critical thinking among readers of sports news in our country. Both positive and negative sports news report influences the attitude of coaches and players. Changes do not result from the achievement of a team but from news reports. Hence, this research is to investigate the influence sports news reports have over the attitude of football coaches and players.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan dan yang Maha berkuasa, kerana memudahkan penulisan ini sehingga menemui noktah akhirnya. Sokongan dan dorongan ibu yang disayangi Lakshmi, isteri tercinta Sri Selva Letchumy, anak Vinod Iswaran dan Vengadeswaran, penyelia, pensyarah serta sahabat seperjuangan yang memotivasikan lagi usaha menyempurnakan kajian ilmiah ini. Ilmu dan tunjuk ajar daripada penyelia dan pensyarah memberikan pencerahan dan panduan ke arah penulisan yang lebih baik. Perkongsian serta pertukaran pendapat antara sahabat juga menjanakan penghasilan idea yang bermanfaat dan digunakan dalam penulisan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Sharil Nizam Sha'ri, selaku penyelia tesis dan Dr. Hasnah Binti Mohamad dan Dr. Hj. Rohaidah Binti Haji Kamaruddin selaku ahli jawatankuasa penyelia tesis atas ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan selama ini. Pandangan dan dorongan yang diberikan bukan sahaja bermanfaat bagi kajian ini, malah akan disemai dalam ingatan sebagai pedoman pada masa depan.

Semoga usaha dalam menghasilkan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada dunia bahasa serta individu yang berkaitan. Moga keberkatan turut diperoleh dan kajian ini dapat dimanfaatkan bersama-sama.

Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Koimunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Koimunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Koimunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Mac 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik :

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Berita, Sukan dan Masyarakat	4
1.3 Latar Belakang Surat Khabar Berita Harian	6
1.4 Liga Bola Sepak Malaysia	7
1.5 Format Penulisan Laporan Berita	9
1.6 Pernyataan Masalah	11
1.7 Objektif Kajian	14
1.8 Persoalan Kajian	15
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.10 Batasan Kajian	17
1.11 Data Kajian	17
1.12 Definisi Operasional	17
1.12.1 Pengaruh	17
1.12.2 Sikap	18
1.12.3 Berita Sukan	18
1.12.4 Jurulatih	19
1.12.5 Surat khabar bahasa Melayu	19
1.13 Kesimpulan	20
2 SOROTAN LITERATUR	21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian Berkaitan Pengaruh Berita	21
2.3 Kajian Berkaitan Penulisan Berita Sukan Bola Sepak	22
2.4 Kajian Pengaruh Berita Sukan	26
2.5 Kajian berkaitan teori	28
3 METODOLOGI KAJIAN	32
3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	32
3.3 Kaedah Kajian	33
3.4 Kaedah Analisis Kandungan	33
3.5 Kaedah Lapangan : Soal Selidik	34

3.6	Alat kajian	37
3.6.1	Surat Khabar Berita Harian	37
3.6.2	Berita	38
3.7	Kerangka Teori	38
3.8	Teori Kegunaan dan Kepuasan (<i>UGT</i>)	39
3.9	Teori Motivasi	39
3.10	Format Piramid terbalik	40
3.11	Analisis Data	41
3.12	Kerangka Konseptual	42
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	44
4.1	Pengenalan	44
4.2	Mengenal pasti laporan berita sukan bola sepak yang mempengaruhi sikap Jurulatih dan Pemain	44
4.3	Menganalisis laporan penulisan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Motivasi	50
4.4	Menganalisis penggunaan bahasa dalam laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Uses & Gratification (<i>U&G</i>)	57
4.5	Merumuskan laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain	67
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	73
5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumusan	73
5.3	Cadangan	77
	RUJUKAN	79
	LAMPIRAN	88
	BIODATA PELAJAR	114
	SENARAI PENERBITAN	115

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
1.1	Jenis-jenis Pendulu	4
1.2	Perbezaan dalam Penulisan	6
1.3	Pasukan Liga Malaysia Tahun 2015	8
1.4	Pasukan Liga Malaysia Tahun 2016	9
3.1	Cara Pemilihan Penulisan Berita	35
3.2	Rangka Pemilihan Sampel bagi Surat khabar BH 2015	36
3.3	Rangka Pemilihan Sampel bagi Surat khabar BH 2016	37
4.1	Jenis Laporan	50
4.2	Jenis-jenis Motivasi	51
5.1	Jenis-jenis laporan	74
5.2	Penggunaan perkataan bagi Motivasi	75

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Sistem Penulisan Piramid Terbalik	3
1.2 Sistem Penulisan Piramid Terbalik	10
3.1 Kerangka Teori	38
3.2 Gambaran Format Piramid Terbalik oleh Rich 2000	41
3.3 Kerangka Konseptual	42

SENARAI SINGKATAN

FPT	Formula Piramid Terbalik
FPTT	Formula Piramid Terbalik Tradisional
AMCP	Akta Mesin Cetak dan penerbitan
BH	Berita Harian
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
UA	Universiti Awam
UPM	Universiti Putra Malaysia
FAM	Football Association of Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Permainan bola sepak mempunyai pengikut dan peminat di serata tempat di dunia. Sukan ini ditonton dan diikuti oleh segenap peringkat umur sebagai peminat setia. Di negara kita perkembangan pesat sukan bola sepak bermula pada abad ke-19. Persatuan Bola sepak Malaysia atau FAM (Football Association of Malaysia) ditubuhkan pada tahun 1927, adalah badan yang mengawal perkembangan bola sepak di negara kita. Sukan bola sepak kita pernah melahirkan beberapa bintang yang menjadi idola bagi kebanyakan orang seperti Allahyarham Abdul Ghani Minhat, Allahyarham Mokhtar Dahari, Zainal Abidin Hassan dan beberapa nama lain.

Media massa memainkan peranan penting dalam mempopularkan sukan dan individu tersebut (Dr. Rajesh Kumar dan Dr. Priti, 2018). Maklumat sebegini telah banyak disalurkan oleh media massa tentang peranan jurulatih dan pemain melalui surat khabar. Laporan berita sukan dalam media massa boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Selain itu, sukan bola sepak juga dikatakan boleh mempengaruhi budaya dan corak kehidupan sesebuah masyarakat (Holt, 1989). Media juga dikatakan sebagai alat utama dalam menarik minat pembaca, Rahim & Pawanteh, (2010).

Surat khabar telah menjadi ejen utama dalam menyampaikan laporan berita sukan, khususnya berita bola sepak. Rowe (1992), Coakley (2001) dan Baron (2006), media massa memainkan peranan penting dalam mempopularkan sukan bola sepak. Media massa berjaya mempengaruhi masyarakat dengan menjadi peminat setia dan secara tidak langsung mengubah sikap masyarakat. Dalam hal ini, media berjaya mengubah persepsi masyarakat dan pembaca terhadap kandungan berita bola sepak. Contohnya berita sensasi Datuk Siti Nurhaliza menendang bola di Bollywood Park, Dubai (Astro Awani 2018), sambil mendukung anaknya Siti Aafiyah. Beliau telah berjaya menendang bola tepat ke sasaran. Berita tersebut telah menjadi berita utama dalam semua surat khabar.

Tidak dinafikan, pengaruh berita sukan, khususnya berita sukan bola sepak boleh mempengaruhi masyarakat dan pembacanya. Surat khabar mempunyai empat fungsi utama, salah satu fungsi surat khabar ialah menyampaikan maklumat dunia kepada masyarakat (Becker, 33:1982). Laporan berita juga boleh mempengaruhi pemikiran masyarakat umum melalui pemilihan bahan dan komentar tentang sesuatu kejadian, menghibur pembaca melalui cerita-cerita dan rencana yang menarik dan memberikan ruang kepada peniaga tempatan mengiklankan barangan dan perkhidmatan mereka.

Dalam era pendemokrasian maklumat dan media, laporan berita sukan boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain, sekiranya maklumat laporan berita sukan tidak diproses terlebih dahulu. Hal ini boleh menyebabkan berlakunya pandangan yang kurang profesional dalam berita sukan (Dennish & Merrill, 2006). Penggunaan media yang betul dan laporan yang baik boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain terhadap pasukan masing-masing. Menurut Afid (2016) dalam *Role of Mass Media in Sports Communication*, media massa sangat penting kerana surat khabar merupakan sumber informasi, hiburan, forum memujuk dan mengikat pengaruh terhadap masyarakat. Media dikatakan berperanan menguasai dan mempengaruhi cara berfikir kita terhadap alam sekeliling. Perkembangan dan peminat bola sepak yang bertambah secara drastik telah menyebabkan ruangan sukan dalam surat khabar utama telah bertambah. Ruangan sukan telah menjadi ruangan wajib bagi semua surat khabar utama di negara kita. Ruangan sukan bukan lagi dianggap sebagai bacaan ringan, malah menjadi ruangan wajib dibaca setiap hari (Mustakim, 2010).


Bahasa media juga merupakan satu lagi bahagian penting dalam penghasilan sesuatu laporan berita sukan dan berita merupakan bidang laras bahasa yang utama (Bell, 1991). Penyampaian sesuatu maklumat kepada pembaca adalah penting dalam menyampaikan mesej. Menurut Hamidah (2012), pelaporan sesuatu mesej hendaklah menggunakan bahasa yang jelas dan tepat dalam menghasilkan sesuatu laporan berita. Proses penghasilan sesuatu berita, wartawan tidak boleh mengabaikan aspek format penulisan, sistem perenggan, aspek tatabahasa, ejaan dan pemilihan tajuk berita. Semua bahagian tersebut merupakan bahagian penting dalam menyampaikan maklumat kepada pembaca dan boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain.

Media sentiasa dikatakan sebagai instrumen sosial yang baik dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada pembaca dan meninggalkan kesan yang mendalam. Finegan (1942) menegaskan media ialah sumber ilmu dan informasi bagi masyarakat. Pemilihan sesuatu tajuk bagi laporan berita sukan bola sepak boleh memberi pelbagai tafsiran kepada pembaca. Menurut Hasmah & King (2006), masyarakat pembaca yang membaca maklumat berita, boleh mewujudkan suatu pandangan dan tafsiran yang berbeza. Sehubungan itu, laporan berita sukan bola sepak haruslah membaiki bentuk laporan mengikut kepentingan dan tanggungjawab sosial kepada pembaca.

Laporan dalam surat khabar juga meninggalkan pengaruh positif dan negatif terhadap sikap seseorang jurulatih dan pemain. Pengaruh media massa berbeza-beza terhadap setiap individu. Hal ini disebabkan, kerana adanya perbezaan corak pemikiran, perbezaan sifat pada pengambilan sikap, hubungan sosial sehari-hari dan perbezaan budaya (Sohana, 2016). Pengaruh penulisan positif dan negatif telah meninggalkan pengaruh yang kuat terhadap sikap jurulatih dan pemain dalam menghadapi pasukan masing-masing. Bahasa dan pemilihan perkataan menjadi medium dalam mengubah sikap seseorang jurulatih dan pemain.

Setiap hari media massa menyiarkan berita tentang kejayaan dan kegagalan pasukan bola sepak dalam media massa (Shoemaker & Cohen, 2012). Berita-berita kegagalan pasukan sentiasa menjadi pilihan tajuk utama dalam surat khabar. Berita kegagalan sentiasa meninggalkan kesan kepada semua pihak termasuk jurulatih dan pemain. Pemilihan perkataan dan penyampaian berita secara positif dapat merangsang jurulatih dan pemain memperbaiki prestasi pasukan. Perkataan yang berbaur negatif dapat melemahkan moral sesuatu pasukan.

Dalam menyampaikan maklumat kepada pembaca khususnya laporan sukan bola sepak negara, kebanyakan wartawan menggunakan Format Piramid Terbalik (*inverted pyramid*) sebagai struktur penulisan laporan mereka. Menerusi struktur tersebut, maklumat paling penting ditulis dahulu dan diikuti dengan maklumat yang kurang penting, misalnya dalam Rajah 1.1 :



Rajah 1.1 : Sistem Penulisan Piramid Terbalik
(Sumber : Rich 2000)

Sebelum adanya konsep 5W 1H dalam penulisan berita (Lippmann, 2006), kebanyakan penulis menulis berdasarkan konsep seperti siapa, apa, mana dan bila. Secara tradisi amalan kewartawanan tradisional ini diamalkan di kebanyakan negara, format penulisan berita adalah hampir sama di seluruh dunia, (Shoemaker, 2006). Perkara ini dikira sudah memadai dalam penyampaian berita. Seterusnya, *Associated Press Managing Editors* telah memperkenalkan suatu formula baharu yang dikenali sebagai apa, di mana, kenapa, bila dan bagaimana.

Bagi menghasilkan satu laporan berita sukan bola sepak yang jitu, bahagian *Lead* atau pendulu memainkan peranan yang penting. Bahagian *lead* atau pendulu menjadi daya tarikan dalam merangsang pembaca bagi membaca keseluruhan berita tersebut. Terdapat berbagai-bagai jenis *lead* yang dikemukakan oleh pelbagai sarjana. Menurut Sulaiman (1990) terdapat empat jenis pendulu yang biasa digunakan oleh wartawan di Malaysia, lihat Jadual 1.1

Jadual 1.1 : Jenis-jenis Pendulu

Pendulu Pengenalan Segera Jenis ini mengandungi fakta yang paling penting, iaitu 'siapa'	Pendulu ditangguhkan Apabila beberapa orang atau nama yang tidak dikenali nama atau kedudukan mereka
Pendulu pelbagai fakta Pemberita boleh memasukkan lebih banyak maklumat ke dalam perenggan pertama	Pendulu Ringkasan Seorang pemberita yang berhadapan dengan berbagai-bagai perkara mustahak, boleh membuat kesimpulan apa yang berlaku dalam pendulu ringkasan.

Justeru, sukan bola sepak negara kita juga tidak ketinggalan dengan pengikutnya begitu ramai. Sukan bola sepak menjadi lebih popular apabila Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah memperkenalkan liga bola sepak profesional di negara kita. Peranan pihak media adalah begitu penting dalam membangunkan dan menarik minat peminat bola sepak negara. Segala laporan dan keputusan perlawanan perlulah disampaikan kepada pendengar dalam keadaan yang jelas dan mudah diikuti. Peminat bola sepak dahagakan laporan yang lengkap dan terperinci dalam membaca sesuatu laporan keputusan perlawanan. Pihak media dan wartawan perlu menyampaikan laporan dengan selengkapnya. Berita Harian merupakan surat khabar nasional yang mempunyai pengikut yang ramai perlu menggunakan kaedah yang standard dalam penulisan berita sukan bola sepak Liga M-Malaysia.

1.2 Berita, Sukan dan Masyarakat

Media massa kini merupakan alat komunikasi yang penting dalam menyampaikan sesuatu informasi kepada masyarakat. Seiring dengan perkembangan masa, media massa juga harus berubah dari takuk lama kepada lebih berbentuk informasi kepada masyarakat digital. Berita dalam komunikasi adalah laporan berbentuk informasi bagi masyarakat. Penjelasan, penyampaian yang baik dan berorganisasi adalah sumber kekuatan bagi sesuatu surat khabar dalam menyampaikan berita. Kekuasaan media dalam masyarakat dinilai dari segi penulisan berita yang menyeluruh tanpa ada sebarang unsur berat sebelah dalam menyampaikan mesej.

Laporan sukan terutamanya sukan bola sepak haruslah mengikut format yang sesuai. Pemberita harus mengetahui nilai sesuatu berita yang ingin disampaikan. Penilaian sesuatu berita haruslah mengikut keutamaan. Bahagian penting yang ingin

disampaikan haruslah didahulukan dalam laporan agar pembaca dapat mengetahui maklumat yang penting dahulu. Kebanyakan pemberita tidak mendapat pendidikan dan latihan yang formal dalam bidang kewartawanan. Mereka hanya menulis berdasarkan pengalaman, pengamatan pendengaran dan tiada penilaian dalam menilai sesuatu berita dari sudut pemberita. Aspek-aspek tersebut perlu dalam menulis sesuatu laporan berita sukan bola sepak agar dapat memberi satu komentar dan analisis yang jitu. Kebanyakan pemberita hanya menulis dan menyelesaikan tugas rutin mereka sebagai pemberita. Hal ini yang menyebabkan maklumat penting diabaikan sedangkan sebagai peminat tegar bola sepak pasti dahagakan satu laporan berita sukan bola sepak yang baik.

Masyarakat Malaysia masih memegang kepada nilai-nilai ketimuran dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan perkataan yang mesra dan penuh dengan nilai-nilai kesantunan bahasa merupakan pegangan hidup kita. Sebagai pemberita dan hidup dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan rangkaian usia yang berbeza, mereka harus berpegang kepada Teori Tanggungjawab Sosial dalam menulis sesuatu berita sukan. Laporan berita harus menggunakan rangkaian perkataan yang mudah difahami tanpa menyentuh hati dan mengguris hati pembaca laporan berita sukan bola sepak. Pembaca laporan berita sukan bola sepak boleh terdiri daripada pelbagai peringkat seperti pemain, pengurus pasukan, peminat dan mereka yang mempunyai kepentingan terhadap sukan bola sepak. Teori Tanggungjawab Sosial lebih menekankan kepada menjaga hati pembaca melalui penggunaan perkataan yang mudah difahami tanpa ada maksud yang tersirat. Penggunaan sesuatu perkataan yang tidak bercelaru atau penggunaan perkataan yang berbentuk bombastik perlu dielakkan. Keutamaan inilah yang harus dipegang oleh kebanyakan laporan berita sukan bola sepak yang ingin mengangkat martabat sukan bola sepak kita. Kekalahan dan kemenangan adalah adat dalam perlawanan tetapi bagaimana untuk menyampaikan informasi dengan memberi sedikit analisis perlawanan tanpa menyebelahi mana-mana pasukan adalah penting.

Bahasa surat khabar merupakan cerminan kepada sesebuah negara dari segi kematangan masyarakat. Bahasa dan penggunaan laras bahasa juga berbeza dalam kandungan surat khabar mengikut sudut penulisan. Pembaca sukan bola sepak terdiri daripada pelbagai generasi, yang tua, muda dan pelajar. Laporan berita yang standard dan mampu memenuhi aspirasi pembaca agak penting. Penekanan harus diberikan dari segi format bahasa termasuk dari segi sistem perenggan, sistem susunan isi, ejaan, istilah, pembinaan ayat-ayat yang gramatis, penggunaan perkataan bahasa Inggeris dan tanda bacaan adalah penting. Bagi sesetengah orang surat khabar merupakan medium tempat rujukan bagi mengetahui tentang perkembangan mutakhir tentang bahasa. Penyampaian yang baik berserta dengan format yang jelas selalunya menjadi rujukan bagi pelajar dalam pelajaran mereka. Penggunaan frasa dan klausa yang baik boleh membina ayat yang gramatis. Seharusnya pemberita menggunakan bahasa yang mudah dan format penggunaan yang baik dalam menjadi cermin masyarakat. Pemberita harus mempertahankan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat termasuk aspek tatabahasa harus dikukuhkan. Dalam penulisan dunia kewartawanan, terdapat pelbagai laporan penulisan seperti wawancara, ulasan, laporan, berita dan rencana. Dalam mengharungi bentuk penulisan dalam surat khabar, pemberita seharusnya

mengetahui perbezaan dalam penulisan tersebut. Jadual 1.2 menunjukkan perbezaan dalam penulisan :

Jadual 1.2 : Perbezaan dalam Penulisan

Wawancara/ Interview	percakapan antara dua orang atau lebih . Tujuan dari wawancara adalah untuk mendapatkan informasi yang tepat dari sumber asal.
Ulasan	cerita pengalaman setelah melihat sesuatu dan cuba menyampaikan setelah tamat sesuatu kejadian.
Laporan	Laporan ialah dokumen untuk menyampaikan maklumat khusus kepada pembaca tertentu.
Rencana	karangan atau cerita tentang sesuatu perkara yang dapat berdiri sendiri.

1.3 Latar Belakang Surat Khabar Berita Harian

Surat Khabar Berita Harian merupakan surat khabar utama dalam tulisan rumi di Malaysia. Surat Khabar ini merupakan surat khabar kebangsaan harian negara kerana diedarkan ke seluruh negara dan melaporkan berita dari segenap ceruk rantau negara ini. Jika diambil usia penerbitannya, surat khabar Berita Harian telah diterbitkan pada 1 Julai 1957 di Singapura dan seterusnya diterbitkan di Kuala Lumpur pada 24 Julai 1957. Pada asalnya Berita Harian diterbitkan di Singapura dalam tahun 1956-1957, Singapura menjadi pusat penerbitan persuratkhabaran di Semenanjung Tanah Melayu. Setelah Dewan Bahasa dan Pustaka didirikan di Johor Bahru pada tahun 1956, kemudian berpindah ke Kuala Lumpur pada bulan Julai 1957, maka surat khabar ini pun diterbitkan di Kuala Lumpur, A.M.Iskandar (1980). Surat khabar ini diterbitkan oleh The New Straits Times Press(M) Bhd.

Dari segi sejarah, kelahiran Berita Harian dua bulan sebelum negara Malaysia menyambut kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957, mencerminkan bahawa sebuah negara yang baharu merdeka mesti mempunyai sebuah surat khabar tersendiri yang menggunakan bahasa rasmi negara. Surat khabar yang dihasilkan oleh rakyat, kepada rakyat dan untuk memenuhi keperluan rakyat Malaysia semasa era nasionalisme yang sedang memuncak. Surat khabar ini menggerakkan semangat juang untuk memerdekakan negara tercinta dan sehingga kini terus menyemarakkan impian rakyat ke arah mencapai Wawasan 2020 (Berita Harian.com.my.2002)

Berita Harian yang diterbitkan dalam lima edisi setiap hari menjadi sumber yang tepat untuk mendapatkan maklumat dan berita terkini. Kelima-lima edisi tersebut ialah : Utara, Selatan, Timur dan Sabah/Sarawak. Penerbitan edisi harian terdapat tiga bahagian iaitu Bahagian Utama, Bahagian Wilayah dan Bahagian Tematik. Bahagian Utama melaporkan berita nasional dan juga berita ekonomi serta perniagaan. Bahagian wilayah merangkumi berita wilayah, berita dunia dan berita sukan, sementara

Bahagian Tematik meliputi hal ehwal wanita dan keluarga, pendidikan serta iklanneka. Pada dasarnya, surat khabar Berita Harian merupakan edisi surat khabar New Straits Times dalam Bahasa Melayu, jika dilihat dari segi saiz, kandungan dan formatnya.

Surat khabar tersebut mempunyai sejarah penerbitannya yang lama dan mempunyai golongan pembacanya yang tersendiri. Pembacanya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, yakni daripada golongan pelajar, suri rumah, pekerja, golongan peniaga hinggalah golongan pembuat keputusan di sektor perkhidmatan awam dan swasta. Jumlah pembaca surat khabar Berita Harian di seluruh negara seperti yang dilaporkan oleh "Nilson Media Research Malaysia" ialah sehingga bulan Jun tahun 2002, 1,479,000 juta orang. Maka dengan jumlah pembacanya yang ramai, menunjukkan surat khabar tersebut adalah popular dalam kalangan pembaca yang bukan sahaja terdiri daripada kaum Melayu tetapi juga kaum lain seperti China dan India.

Hasil kajian mendapati surat khabar Berita Harian membuat liputan sukan lebih tinggi berbanding surat khabar lain. Fakta tersebut mungkin disebabkan kepercayaan boleh menarik lebih ramai orang membaca Berita Harian, Audit Bureau of Circulations Malaysia (2018). Surat Khabar Berita Harian juga didapati berjaya menandingi surat khabar lain dari segi ruangan pendidikan dan sukan Ketua Pengarang (Mustafa, 2008). Selain itu, faktor kebolehpasaran dan impak komersial turut dikaitkan dengan ruangan sukan. Ruangan tersebut berjaya menarik lebih ramai pembaca (Meyer, 1987 & McManus, 1994).

1.4 Liga Bola Sepak Malaysia

Bola sepak merupakan sukan yang paling mendapat perhatian bagi surat khabar Berita Harian, Audit Bureau of Circulations Malaysia (2018). Sukan Bola Sepak mempunyai peminat yang ramai dan penganjuran sukan ini adalah sepanjang tahun melalui kejohanan nasional seperti Liga Super dan Piala Malaysia. Kejohanan bola sepak yang berlaku hampir sepanjang tahun dan kejohanan di peringkat nasional membolehkan surat khabar BH memaparkan maklumat lebih banyak berbanding maklumat sukan yang lain.

Liga Malaysia telah bermula sejak tahun 1982. Liga pada masa itu digunakan sebagai peringkat kelayakan ke Piala Malaysia. Sejak itu, kejohanan liga menjadi salah satu pertandingan terpenting dalam kalendar bola sepak Malaysia. Pada awalnya hanya pasukan negeri, Angkatan Tentera Malaysia, Polis DiRaja Malaysia dan pasukan jemputan seperti Singapura dan Brunei menyertai Liga Malaysia. Semasa pertandingan secara profesional diperkenalkan pada 1996, pasukan kelab mula menyertai Liga Malaysia. Pada tahun 1989 hingga 1993, Liga Malaysia dikenali sebagai Liga Semi-pro Malaysia. Pada tahun 1994 hingga 2003, nama Liga Semi-pro ditukar kepada Liga-M.

Jumlah pasukan juga sering berubah-ubah. Pada 2004, perubahan drastik dilakukan oleh FAM dengan membenarkan hanya 8 pasukan bertanding di Liga Super. Manakala 16 lagi pasukan bersaing di Liga Perdana yang dibahagikan kepada dua kumpulan. Selepas tiga musim FAM sekali lagi mengubah jumlah pasukan kepada 13 pasukan. Pada musim 2008, FIFA mengkritik format liga yang digunakan FAM. FAM menerima kritikan tersebut dan mereka menambah jumlah pasukan kepada 14 pasukan. Bermula tahun 2013, jumlah pasukan kembali dikurangkan kepada 12 pasukan di mana sistem perlawanan *play off* diperkenalkan.

Liga Super Malaysia merupakan pertandingan bola sepak tahap tertinggi di Malaysia. Ia menggantikan Liga-M sebagai divisyen tertinggi suatu masa dahulu. Liga Super mula diperkenalkan pada tahun 2004, yang merupakan kesinambungan kepada liga sebelumnya yang bermula semenjak 1982. Sebenarnya pertandingan liga agak lewat bermula di Malaysia, walaupun bola sepak telah lama bertapak di Malaysia iaitu semenjak lahirnya kejohanan Piala Malaysia pada 1921. 12 pasukan akan berentap di dalam liga ini. Dua pasukan terbawah biasanya akan disingkirkan ke Liga Perdana Malaysia. Pada tahun 2015, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah memutuskan untuk menswastakan liga ini dan mencipta MSL Sendirian Berhad (atau MSL Proprietary Limited) untuk melihat aspek pemasaran permainan ini.

Liga ini pernah menggunakan lapan pasukan yang mana setiap pasukan akan bermain tiga pusingan (21 perlawanan). Dua pusingan yang pertama dimainkan berdasarkan format tuan rumah dan pelawat manakala pusingan ketiga akan dihoskan oleh stadium yang mempunyai bilangan penonton yang lebih besar berdasarkan dua pusingan terawal. Berikut merupakan nama pasukan dan nama gelaran bagi pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam Liga Super Malaysia dan Liga Premier Malaysia bagi tahun 2015 dan 2016. Sila lihat Jadual 1.3 dan 1.4 :

Jadual 1.3 : Pasukan Liga Malaysia Tahun 2015

Liga Super Malaysia			Liga Premier Malaysia		
Bil	Nama Pasukan	Gelaran	Bil	Nama Pasukan	Gelaran
1	ATM FA	The Gladiators	1	Kedah	The Red Hawks
2	Felda United FA	The Fighters	2	P.Pinang	The Panthers
3	JDT FC	The Southern Tigers	3	T-Team	The Titans
4	Sarawak	The Crocs	4	PKNS	The Red Ants
5	Kelantan	The Red Warriors	5	JDT II	The Southern Tigers
6	Sime Darby FC	The Giant Killers	6	NS Matrix	The Jangs
7	Pahang FA	The Elephants	7	Sabah	Sabah Rhinos
8	Perak	The Bos Gaurus	8	UiTM	The Lions Troops
9	PDRM	The Cops	9	Kuantan FA	-
10	Selangor	The Red Giants	10	DRB Hicom	-
11	Lions XII	The Lions	11	KL FA	City Boys
12	Terengganu	The Turtles	12	SPA	-


Jadual 1.4 : Pasukan Liga Malaysia Tahun 2016

Liga Super Malaysia			Liga Premier Malaysia		
Bil	Nama Pasukan	Gelaran	Bil	Nama Pasukan	Gelaran
1	Kedah	The Red Hawks	1	Melaka U	The Mousedeer
2	Felda United FA	The Fighters	2	Perlis	The Northern Lions
3	JDT FC	The Southern Tigers	3	ATM	The Gladiators
4	Sarawak	The Crocs	4	PKNS	The Red Ants
5	Kelantan	The Red Warriors	5	JDT II	The Southern Tigers
6	Pulau Pinang	The Panthers	6	NS Matrix	The Jangs
7	Pahang FA	The Elephants	7	Sabah	Sabah Rhinos
8	Perak	The Bos Gaurus	8	UiTM	The Lions Troops
9	PDRM	The Cops	9	Kuantan FA	-
10	Selangor	The Red Giants	10	DRB Hicom	-
11	T-Team	The Titans	11	KL FA	City Boys
12	Terengganu	The Turtles	12	Sime Darby	The Giant Killers

Bermula Liga Super Malaysia 2009, liga ini mempunyai 14 pasukan yang menyaksikan format tuan rumah dan pelawat sahaja digunakan (26 perlawanan). Selain itu, setiap pasukan juga tidak dibenarkan memiliki pemain asing. Walau bagaimanapun, pada Liga Super Malaysia 2012 FAM telah memutuskan untuk membuka kembali peluang untuk menggunakan 4 pemain import dengan 1 daripadanya adalah kuota pemain dari negara Asia.

1.5 Format Penulisan Laporan Berita

Format yang biasa digunakan oleh penulis dalam menulis laporan berita sukan ialah Format Piramid Terbalik, (Rich, 2000 :201). Laporan berita disusun dan dinyatakan dalam berbagai-bagai cara, tetapi pada dasarnya ia mengandungi bahagian permulaan (pendulu), bahagian pertengahan (tubuh atau perkembangan) dan bahagian akhir atau penutup (Hough, 1980).



Rajah 1.2 : Sistem Penulisan Piramid Terbalik
(Sumber : Rich 2000)

Setiap laporan berita ditulis dalam struktur tertentu. Struktur wacana berita adalah berbagai-bagai tetapi struktur yang sering digunakan ialah struktur piramid terbalik, formula Wall Street Journal, Hourglass, piramid bahagian dan nonlinear (Rich, 2000). Antara struktur tersebut, struktur piramid terbalik akan diberikan penghuraian kerana ia merupakan bentuk yang paling asas dalam membentuk laporan berita. Struktur ini merupakan struktur umum yang telah mentradisi dalam penulisan berita. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti semua penulisan berita mengikut tradisi seperti itu. Mungkin wartawan akan menggunakan struktur lain mengikut daya kreativiti mereka.

Terdapat beberapa kriteria ditetapkan dalam penulisan laporan berita seperti yang dikatakan oleh (Newsom dan Wollert, 1988) dalam buku kewartawanan mereka *Media writing-Preparing Information For the Mass Media*. Kebanyakan berita mempunyai unsur-unsur berikut ;

1. Pendulu berita (*the lead*)
2. Fakta kedua dalam peralihan terikat (*secondary points in a tie-intransaction*)
3. Penghuraian lebih lanjut fakta utama (*elaboration on the main point*)
4. Sokongan kepada pendulu berita (*support for the lead*)
5. Latar belakang (*back ground*)
6. Perkembangan idea utama (*development of the main idea*)
7. Perincian (*details*)

Bahagian permulaan berita yang menurut istilah kewartawanan di panggil lead atau intro atau “pendulu” biasanya menonjolkan fakta utama dalam berita itu, (Newsom dan Wollert, 1988) dan (Metz, 1991). Pendulu merupakan bahagian yang penting dalam

berita, yang akan membantu pembaca mengetahui isi utama sesebuah berita dengan cepat. Bahagian ini akan merangkum keseluruhan isi cerita.

Terdapat berbagai-bagai cara menulis pendulu. Salah satu caranya ialah dengan membuat pendulu asas, iaitu pendulu ringkasan. Jenis ini memberikan sinopsis keseluruhan berita kepada pembaca. Pendulu ini dibentuk daripada 6 unsur, iaitu siapa, apa, bila, di mana dan bagaimana. Urutan setiap unsur tersebut tidak mutlak, misalnya unsur bila boleh mendahului unsur apa dan unsur mengapa juga dapat disajikan awal.. Semua itu dapat disusun oleh wartawan dengan mempertimbangkan kepentingannya. Pendulu biasanya terdapat pada ayat atau perenggan pertama dalam sesuatu berita.

Bahagian tubuh berita menghuraikan fakta-fakta yang terdapat pada bahagian pendulu kepada pembaca. Tubuh berita merupakan keseluruhan daripada peristiwa yang diambil menjadi berita. Sesetengah berita mempunyai bahagian akhir dan sesetengahnya tidak. Semua ini bergantung pada keperluan berita yang dilaporkan itu. Terdapat bahagian akhir yang berfungsi untuk memberikan penekanan terhadap kepentingan fakta yang dilaporkan pada bahagian pendulu dan tubuh berita.

Wacana berita biasanya mempunyai bentuk piramid terbalik (Maesener, 1986) dan (Hough, 1980). Sebagai penjelasan kepada bentuk piramid terbalik, menurut (Bhatia, 1993 :169) item yang mengandungi nilai kejutan yang paling tinggi dipilih sebagai tajuk berita, dan selanjutnya diperkembang di bahagian pendulu. Sebarang penjelasan, latar belakang atau bahagian sekunder yang lain akan dinyatakan seterusnya menurut urutan berita. Prinsip penyusunan seperti ini memberikan laporan berita mempunyai struktur yang dikenali sebagai piramid terbalik.

Sistem penulisan piramid terbalik ini meletakkan fakta yang paling penting dalam wacana berita itu di bahagian atas sekali (pendulu), sementara fakta-fakta sokongan lain diletakkan di bahagian bawah secara bertingkat-tingkat seperti anak tangga menurut kepentingannya. Menurut Hough (1980), "*the inverted-pyramid story has no conclusion*". Format ini mempunyai satu kebaikan iaitu berita boleh dipotong perenggan demi perenggan dari bawah ke atas. Setelah laporan berita memuatkan bahagian penting di bahagian bawah, maka besar kemungkinan yang akan turut terpotong adalah bahagian yang penting. Oleh sebab itu, wartawan tidak memuatkan bahagian penting di akhir laporan. Sistem ini boleh dilihat dalam Rajah 1.2.

1.6 Pernyataan Masalah

Setiap kajian yang dilakukan sudah semestinya wujud akibat masalah-masalah tertentu yang terjadi dalam persekitaran manusia serta bahasa yang digunakan. Oleh itu, kajian ini turut dilakukan rentetan daripada beberapa masalah yang timbul. Penulisan laporan berita sukan dalam surat khabar mempunyai pengaruh terhadap sikap jurulatih dan pemain. Penulisan yang mempengaruhi boleh menjejaskan tumpuan pemain dan

jurulatih dalam menghadapi sesuatu perlawanan. Pola inilah yang kerap terjadi dalam penulisan berita dalam surat khabar, apabila pihak media mengambil pendapat sebelah pihak sahaja, (Sohana,2016)

Banyak penulisan laporan berita sukan yang mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain terhadap pasukan masing-masing. Media seharusnya memaparkan berita yang sahih dan sentiasa melaporkan kejadian yang sebenar. Pihak media tidak boleh dalam mencari pengaruh dan sokongan pembaca menyiarkan maklumat yang boleh diragui kesahihannya (Norzina, 2019). Surat khabar sebagai alat komunikasi utama harus memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej. Laporan berita dalam surat khabar harus bertindak sebagai elemen memberitahu, mempengaruhi, menyampaikan niat dan membangunkan kredibiliti (Walker, 2011). Laporan berita sukan yang mengkritik cara pemilihan pemain, strategi yang digunakan dan taktikal yang tidak menjadi, merupakan antara yang mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain. Penulisan sedemikian hanya melemahkan moral jurulatih yang melatih sesebuah pasukan. Jurulatih harus diberikan peluang untuk mempertahankan tindakannya. Laporan berita sukan bola sepak terhadap pemain juga akan memberikan kesan terhadap prestasi mereka dalam mengharungi sesuatu perlawanan. Penulisan berita yang berat sebelah tanpa mengambil kira emosi dan perasaan pemain, seolah-olah pemberita yang menghukum mereka.

Pengaruh laporan berita sukan bola sepak juga boleh memberi pelbagai reaksi terhadap sikap jurulatih dan pemain. Pengaruh laporan berita boleh meninggalkan pelbagai implikasi dan mengubah sikap jurulatih dan pemain. Perubahan sikap ini diharapkan tidak membawa kepada sebarang kesan negatif kepada mereka. (Ketua pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Dr. Chamil Wariya). Ada jurulatih yang terpaksa meninggalkan pasukan disebabkan kritikan yang bertalu-talu apabila sesebuah pasukan gagal mencatatkan kemenangan. Hal ini disebabkan, maklumat yang disampaikan tidak jelas. Elemen komunikasi dalam laporan tidak jelas seperti penghantaran mesej, penerima, mesej dan saluran, (Aziz, 2010). Faktor ini mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain dalam persediaan pasukan. Ada jurulatih terpaksa meletakkan jawatan dan pemain terpaksa berhijrah ke pasukan lain disebabkan laporan yang berat sebelah. Pengaruh sedemikian boleh mengubah sikap seseorang jurulatih dan pemain yang kemudiannya lantang bersuara. Permasalahan ini perlu dilihat, adakah laporan berita sukan bola sepak mempunyai pengaruh terhadap sikap jurulatih dan pemain Nasib yang sentiasa dialami akibat penulisan berita sukan bola sepak yang mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain bola sepak di negara kita.

Dalam laporan berita sukan bola sepak, penulis perlu mempunyai banyak ruang untuk mengolah idea dan bermain dengan kata-kata untuk menarik minat pembaca. Hal ini dapat mengelakkan unsur-unsur tidak tepat dalam laporan berita sukan berikutan penulis itu sendiri cuai dan tidak berhati-hati. Laporan haruslah menulis fakta yang betul tanpa mengubah kandungan laporan tersebut. Seterusnya, penyusunan idea haruslah lebih sistematik dan mengikut aturan yang betul,(Sulaiman & Razali, 2002). Dalam proses mengolah sesuatu laporan berita, penggunaan sesuatu perkataan boleh mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain.

Sebagai pemberita dan penulis berita sukan bola sepak, nilai-nilai tanggungjawab sosial perlu ada pada mereka. Laporan yang tidak melukakan hati atau menjatuhkan maruah sesuatu pasukan apabila mereka tewas dalam sesuatu perlawanan. Laporan tentang sesuatu berita sukan bola sepak haruslah membangkitkan semangat juang yang tinggi dengan meniupkan kata-kata semangat bagi menghadapi perlawanan seterusnya. Etika penulisan sering diabaikan oleh penulis berita komersial. Ini boleh menjejaskan moral dan daya saing pasukan. Sistem penyampaian dalam laporan yang baik dapat mengelakkan konflik dan dilaksanakan dengan baik, (Wan Idros, 2015). Kebanyakan penulis sentiasa melaporkan kelemahan pasukan dan punca kekalahan dihebahkan kepada media massa. Perkara sedemikian haruslah dielakkan dalam menjatuhkan martabat sesebuah pasukan. Berita akan dibaca oleh serata masyarakat dan akan mempunyai tanggapan yang tidak baik. Penulis sukan boleh memilih kata-kata yang lebih sesuai bagi menaikkan moral sesebuah pasukan.

Tambahan pula, kajian ini dijalankan kerana masalah yang tercetus dalam laporan berita dalam surat khabar bahasa Melayu. Penulis gagal menggunakan bahasa yang baik dalam penghasilan laporan berita sukan. Bahasa yang kurang jelas telah menyebabkan laporan berita tidak menarik untuk dibaca. Hal ini diakui oleh (Chamil, 2008), bahasa yang digunakan semasa penulis menghasilkan sesebuah berita itu mestilah mudah dan padat. Sehubungan itu, kajian ini telah mengisi kelompangan berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh (Asmah, 1987) yang hanya tertumpu kepada kajian dari sudut wacana berita. Walau bagaimanapun kajian ini mengisi lompong kajian terdahulu dari segi aspek yang berlainan iaitu, penggunaan dari segi perkataan.

Surat khabar merupakan ejen asas dalam penyaluran maklumat kepada masyarakat. Surat khabar sentiasa menyampaikan mesej dan informasi dalam pelbagai bentuk seperti laporan, rencana, ulasan, komentar dan sebagainya, (Mohd. Jais, 2005). Penulis laporan berita sukan haruslah sentiasa memikirkan pengaruh laporan berita kepada perubahan sikap jurlatih dan pemain. Semua penulis berita dan media massa sentiasa diingatkan pengaruh laporan mereka kepada pembaca dan masyarakat. Laporan sesuatu berita boleh mempengaruhi sikap pembaca terhadap maklumat yang disampaikan (Norzina, 2019). Permasalahan mesej yang disampaikan tidak jelas dan boleh mengelirukan pembaca.

Pemilihan nilai berita juga harus ditekankan oleh penulis berita sukan bola sepak. Peminat bola sepak tempatan sentiasa menantikan laporan dan keputusan perlawanan bola sepak pasukan kebanggaan mereka. Bukan semua perlawanan itu penting dan disiarkan dalam surat khabar. Pemilihan nilai yang mempunyai permintaan tinggi perlu didahulukan dalam aspek penyiaran. Gibbs & Warhoner (2002) telah menyenaraikan lima nilai berita yang perlu diberi perhatian semasa menulis. Antaranya ialah, berita itu ganjil, berita itu berita setempat, berita itu semasa, berita itu melibatkan orang penting dalam masyarakat dan laporan berita itu adalah mengenai manusia. Kebanyakan laporan berita sukan bola sepak telah mengabaikan aspek nilai berita dalam penulisan. Permasalahan nilai berita dalam sesuatu surat khabar adalah perkara yang perlu diberi perhatian.

Aturan dan susunan berita yang tidak strategik menjadikan laporan berita agak longgar. Kelompangan inilah dilihat menjadi penyebab sudut laporan berita dalam surat khabar di negara ini hanya dihasilkan untuk memenuhi kehendak pembaca dan boleh dihasilkan oleh sesiapa. Banyak implikasi kepada pembaca apabila laporan berita yang tidak lengkap, terutamanya kepada pembaca. Maklumat sebegini mudah mengelirukan dan pembaca akan membuat tanggapan yang tidak baik. Oleh hal yang demikian, masalah ini dianggap serius memandangkan surat khabar merupakan salah satu jambatan yang menghubungkan masyarakat dengan berita-berita luar. (Sharil Nizam, 2010),

Dalam mengejar keuntungan, banyak pihak telah mengabaikan aspek laporan dalam surat khabar. Setiap laporan berita sukan bola sepak boleh memberi kesan positif dan negatif kepada jurulatih dan pemain. Laporan positif sentiasa menjadi perangsang kepada mereka. Laporan negatif pula dikatakan menjatuhkan moral dan semangat dalam kalangan mereka. Penulis harus mengurangkan penggunaan perkataan yang bersifat negatif dan memilih penggunaan bahasa yang berbentuk "*win win situation*" kepada kumpulan jurulatih dan pemain. Persaingan yang kompetitif dalam pasaran dan aspek yang boleh membina minda telah diabaikan.

Aspek tanggungjawab telah diabaikan oleh kebanyakan penulis laporan berita sukan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa berlakunya hambatan atau halangan dalam berbahasa laporan kewartawanan seperti ketidaktepatan pemilihan format, diksi, kesalahan ejaan dan kesilapan berbahasa, kecuaiian binaan ayat dan kekaburan makna yang pada akhirnya menjejaskan proses penyampaian maklumat kepada khalayak dengan baik dan berkesan. Oleh hal yang demikian, penelitian terhadap penggunaan bahasa adalah salah satu bentuk penulisan kewartawanan, iaitu berita diharapkan dapat membantu mempertingkatkan dan memperbaiki penggunaan bahasa dalam penulisan kewartawanan. (Sharil Nizam Sha'ari, 2010) menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang tepat, standard dan sukar dilupakan oleh pembaca.

1.7 Objektif Kajian

Berdasarkan huraian masalah kajian, empat objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti laporan berita sukan bola sepak yang mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain.
2. Menganalisis laporan penulisan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Motivasi.
3. Menganalisis penggunaan bahasa dalam laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Uses and Gratification (Teori Kegunaan dan Kepuasan).
4. Merumuskan laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain.

1.8 Persoalan Kajian

Persoalan yang terkandung dalam kajian ini adalah:

- 1 Apakah pengaruh laporan berita sukan bola sepak yang terdapat dalam surat khabar bahasa Melayu.
- 2 Apakah jenis teori yang digunakan dalam menganalisis laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain.
- 3 Bagaimanakah pengaruh penggunaan bahasa dalam laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain berdasarkan Teori Uses and Gratification (Teori Kepuasan dan Kepenggunaan).
- 4 Bagaimanakah pengaruh positif dan negatif dalam laporan berita sukan bola sepak mempengaruhi sikap jurulatih dan pemain.

1.9 Kepentingan Kajian

Analisis kesusasteraan menunjukkan hanya sekitar tahun 1970-an, ruangan sukan mula mendapat tempat dalam surat khabar utama negara. Bermula dengan satu muka surat kini telah melebihi 2 muka surat bagi liputan semua jenis sukan di Malaysia, (Sarimah & Hamed, 2011). Secara tidak langsung menunjukkan bilangan pembaca telah bertambah dengan drastik di negara sealiran dengan perkembangan media informasi. Pengenalan bola sepak Liga Profesional Malaysia secara tidak langsung telah menarik bilangan pembaca untuk mengetahui perkembangan semasa dunia bola sepak negara. Keupayaan akhbar dalam menyampaikan maklumat kepada pembaca juga tidak boleh dinafikan dengan sering menyiarkan laporan dan berita bola sepak dalam dan luar negara. Berita merupakan suatu laporan kejadian bukan menulis berdasarkan idea atau pendapat semata-mata. Berita tersebut mestilah berbentuk 'panas' dan nada unsur ingin diketahui (Sulaiman, 1990). Becker (1982) mentakrif berita sebagai,

"...an account of events that interest and concern the public"

Oleh hal yang demikian, penulis berita sukan bola sepak perlu memainkan peranan dalam mengemas kini tahap pengetahuan dan kebolehan mereka dalam penulisan laporan berita sukan bola sepak. Pemberita menjadi agen dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat dan setiap maklumat yang ditulis merupakan satu pengetahuan yang tidak ternilai bagi pembaca. Pemberita sukan bola sepak juga sentiasa mengetahui perkembangan tentang sesuatu pasukan dalam menilai dan mengetahui reputasi pasukan bola sepak negara.

Laporan berita sukan bola sepak harus mengambil kira pengaruh berita terhadap jurulatih dan pemain bola sepak. Jurulatih dan pemain merupakan aset penting bagi sesebuah pasukan. Mereka harus diberi peluang dan ruang yang mencukupi bagi

meluahkan perasaan ketidakpuasan hati terhadap sesuatu penulisan laporan berita sukan. Kajian ini penting bagi jurulatih dan pemain dalam membaca dan membuat tanggapan terhadap sesuatu penulisan berita sukan.

Sebagai pemberita dan penulis berita sukan bola sepak, pemberita haruslah menggunakan format dan kaedah yang sesuai dalam penghasilan laporan berita sukan yang jitu. Mesej yang ingin disampaikan mestilah jelas, padat dan penuh dengan informasi. Maklumat sedemikian boleh membantu penulis berita sukan bola sepak yang baharu menceburi dunia kewartawanan. Seterusnya, wartawan dan kumpulan wartawan muda seharusnya mempelajari corak penulisan laporan berita sukan bola sepak secara tidak langsung.

Kepentingan kajian ini terhadap pihak penerbitan surat khabar bahasa Melayu di Malaysia, pemberita dapat memahami dan meneliti penulisan laporan berita yang terdapat dalam surat khabar bahasa Melayu. Pihak penerbitan perlu lakukan suntingan bagi memastikan kesahihan laporan yang ingin disampaikan. Hasil kajian ini dapat memberi idea-idea baharu kepada dunia penulisan berita dalam akhbar bahasa Melayu di Malaysia. Penulis harus memikirkan mesej masyarakat majmuk Malaysia. Surat khabar menjadi medium penghubung antara rakyat pelbagai kaum. Hal ini kerana, surat khabar bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan rakyat dalam kehidupan masyarakat. Kajian ini dapat dianggap sebagai satu usaha untuk menambahkan pengkajian dalam bidang analisis wacana khususnya wacana berita surat khabar bahasa Melayu (Tan, 1993).

Pada sudut yang berlainan, kajian ini turut memberi manfaat kepada penyelidik yang bakal menyelidik tentang teknik penulisan laporan berita daripada sudut yang lain. Kajian ini boleh dan berupaya dijadikan landasan dan rujukan kepada mereka untuk melihat penulisan laporan berita dari aspek yang berlainan daripada kajian ini. Hal ini akan memperkembangkan lagi dunia penulisan laporan berita yang harus dikaji tentang penulisan atau karangan yang bercirikan perbahasan, mempunyai pelbagai bentuk menurut keperluan khalayak atau pembaca dalam masyarakat kita. Hal ini, berikutan bahasa merupakan alat penyatuan perpaduan dan memahami budaya masyarakat.

Di samping itu, pihak media boleh menggunakan kajian ini sebagai panduan dalam melatih dan menggalakkan penggunaan tatabahasa yang betul dalam penulisan. Pihak berwajib dalam aspek penguatkuasaan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka boleh memainkan peranan dengan dominan dalam menegakkan penggunaan bahasa yang lebih mantap. Pihak kesatuan Penulisan Wartawan Malaysia juga harus lebih proaktif dalam memilih penulis muda yang berkualiti dan mempunyai penguasaan bahasa yang baik dalam menulis laporan berita sukan bola sepak. Selain itu, penambahbaikan boleh dilakukan dalam usaha menarik lebih ramai pembaca. Penulis berita harus lebih kreatif dalam meletakkan dan memenuhi ruang sukan dari aspek susun atur gambar, iklan, rencana pendek dan sebagainya, (Sarimah dan Hamed, 2011). Justeru, kajian ini memberikan tumpuan pengaruh berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain

1.10 Batasan Kajian

Bagi memberikan landasan kepada kajian ini, kajian ini dibataskan kepada beberapa bahagian sahaja. Sasaran kajian hanya melibatkan surat khabar perdana negara iaitu Berita Harian. Bagi objektif pertama, kajian tentang pengaruh laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain dalam Berita Harian bagi tahun 2015 dan 2016. Objektif kedua, tumpuan kepada teori yang dikaitkan dengan pengaruh terhadap sikap jurulatih dan pemain. Objektif ketiga, menumpukan kepada penggunaan bahasa dan dikaitkan dengan teori. Objektif keempat, merumuskan pengaruh positif dan negatif dalam laporan berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih Sasaran kajian ialah Jurulatih dan Pemain bola sepak yang bermain dalam Liga-M, bersama pasukan atau kelab di Malaysia. Semua kajian ini berfokus kepada suratkhbar Berita Harian tahun 2015 dan 2016 dari bulan Januari hingga Oktober.

1.11 Data Kajian

Kajian ini akan dibataskan kepada surat khabar bahasa Melayu iaitu Berita Harian. Dimulai dengan Januari 2015 hingga Oktober 2015 dan Januari 2016 hingga Oktober 2016, iaitu musim bola sepak negara. Surat khabar Berita Harian dipilih kerana surat khabar perdana berbahasa Melayu yang berpengaruh di Malaysia. Pengedaran surat khabar Berita Harian meningkat kepada 10,754 naskah bagi tempoh Julai hingga Disember 2015, berbanding 103,303 naskah dalam tempoh yang sama Januari hingga Jun tahun yang sama. (Audit Bureau of Circulation, ABC), 26 Mei 2016).

Pada Mac 2016- Nielson Consumer & Media View mengumumkan jumlah pembaca Berita Harian melonjak kepada 1.241juta bagi tempoh Januari hingga Disember 2015, berbanding 983,000 pembaca pada tahun 2014. Pertumbuhan masing-masing 26.25% dan 28.04%, BH dan BH Ahad mengukuhkan kedudukan sebagai surat khabar bahasa Melayu arus perdana paling berpengaruh di negara ini.

1.12 Definisi Operasional

Setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian boleh didefinisikan secara operasional. Definisi operasional, iaitu definisi yang bersifat khusus, boleh diukur melalui pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian, (Sidek, 2007). Definisi operasional penyelidik ini ialah pengaruh, Sikap, Berita Sukan, Jurulatih, Pemain Bola Sepak dan Surat khabar bahasa Melayu.

1.12.1 Pengaruh

Pengaruh merupakan suatu reaksi yang wujud dari satu perlakuan akibat dorongan untuk mengubah sesuatu keadaan. Pelbagai definisi telah diberikan tentang maksud

pengaruh. Menurut Hugiono & Poerwantana (2000), pengaruh merupakan dorongan dan bersifat membentuk atau merupakan suatu efek. Selain itu, maksud pengaruh menurut Badudu J. Zain (2001), adalah daya yang menyebabkan sesuatu terjadi. Sesuatu yang dapat membentuk atau mengubah sesuatu yang lain.

Dalam kajian ini, pengaruh boleh meninggalkan kesan positif dan kesan negatif kepada pembaca laporan berita sukan. Pengaruh meninggalkan impak yang besar kepada jurulatih dan pemain berkaitan tentang laporan berita sukan.

1.12.2 Sikap

Sikap merupakan reaksi atau respons yang masih tertutup dari seseorang terhadap suatu stimulus atau objek. Menurut Newcomb (1992), salah seorang ahli psikologis sosial, menyatakan bahawa sikap itu merupakan kesediaan seseorang untuk bertindak. Sikap belum merupakan suatu tindakan atau aktiviti, akan tetapi merupakan predisposisi tindakan suatu perilaku. Sikap terdiri dari pelbagai peringkat iaitu: a) Menerima (receiving) iaitu diertikan bahawa orang (subjek) mahu dan memperhatikan stimulus yang diberikan (objek). b) Merespon (responding) dengan memberikan jawapan apabila ditanya, mengerjakan, dan menyelesaikan tugas yang diberikan (terlepas daripada pekerjaan itu benar atau salah), menunjukkan bahawa orang menerima idea tersebut. c) Menghargai (valuing), konsep yang mengajak orang lain untuk mengerjakan atau mendiskusikan suatu masalah adalah suatu indikasi sikap tingkat tiga. d) Bertanggungjawab (responsible) yang menunjukkan sikap bertanggungjawab atas segala sesuatu yang telah dipilihnya dengan segala risiko merupakan sikap yang paling tinggi.

Dalam kajian ini, sikap boleh diinterpretasikan sebagai suatu tindak balas yang boleh digambarkan melalui perubahan tingkah laku diri seseorang. Perubahan sikap boleh berlaku pada seorang jurulatih atau pemain setelah membaca laporan berita sukan dalam surat khabar.

1.12.3 Berita Sukan

Dalam kajian ini berita merujuk kepada penerbitan yang diterbitkan dalam surat khabar mengenai berita atau keputusan perlawanan bola sepak. Bola sepak merupakan permainan popular bagi segenap masyarakat di dunia. Peminat dan pembaca berita sukan bola sepak sentiasa mengharapkan berita yang disiarkan dalam surat khabar dapat memberikan liputan yang luas dan lengkap.

Berita berkait rapat dengan punca-punca berlakunya peristiwa yang dideskripsikan sebagai bentuk tertentu dan boleh mengisi setiap fasa yang memenuhi aspek fakta dan berita sebenarnya tidak terpisah daripada kebenaran (Lippman, 1972). Definisi berita menurut (McQuail, 1983), berita sebagai satu bentuk genre yang secara tipikal

dipersembahkan sebagai ringkasan bagi perkara-perkara paling penting di bahagian permulaan selaras dengan konsep piramid terbalik. Selain itu, berita juga boleh didefinisikan sebagai satu maklumat baharu yang belum diketahui dan ada kesan kepada khalayak, (Schaffer et.al, 1993).

Namun, dalam kajian ini berita merupakan sesuatu maklumat terkini yang dipaparkan kepada masyarakat mengenai sesuatu peristiwa dan mampu memberi kesan kepada penonton serta menarik minat mereka. Definisi berita dapat dijumpai di beberapa literatur yang berbeza satu sama lainnya, diantaranya seperti berita adalah kenyataan-kenyataan yang perlu tentang apa saja yang terjadi, kejadian-kejadian yang mampu menyentuh perasaan manusia (*human interest*) dan yang dapat mempengaruhi kehidupan dan kebahagiaan manusia, (Ngafuan,1995). Dalam kajian ini berita sukan bolasepak dikaji kerana mempunyai tarikan dan memberi maklumat bernilai kepada masyarakatnya.

1.12.4 Jurulatih

Menurut Ibrahim (2006) jurulatih ialah individu yang bertanggungjawab dalam bidang pembangunan sumber manusia dan mempunyai latar belakang yang berbeza-beza, kemahiran yang pelbagai dan sentiasa membuat persediaan awal sebelum membangunkan sumber manusia. Jawatan jurulatih korporat dan daerah memerlukan individu yang pakar dalam pembelajaran iaitu yang mahir dan mampu menggunakan teori-teori dan kaedah-kaedah latihan bagi memenuhi keperluan organisasi (Nadler, 1970). Jurulatih dirujuk sebagai: (i) Pakar pembelajaran iaitu perlu memahami teori-teori dan konsep-konsep pembelajaran. (ii) Penganalisis sistem iaitu mengetahui dan memahami ciri-ciri yang ada dan cara ciri-ciri itu mempengaruhi aspek lain dalam sistem itu dengan berkesan. Jurulatih dapat dilihat sebagai agen perubahan. Hal ini kerana ia tidak dapat dipisahkan daripada proses perubahan dan kemajuan yang dialami dalam satu bidang. Sebagai contoh, National Training Laboratory Washington (1974) mendefinisikan agen perubahan sebagai individu atau pun sekumpulan individu profesional bekerja dalam sistem sosial bertujuan membawa perubahan yang terancang. Menurut (Bennett, 1994), jurulatih ialah individu yang terlibat secara langsung untuk membantu orang lain belajar, memberikan maklumbalas terhadap perkembangan pembelajaran pelatih dan menyesuaikan program pembelajaran dengan mengikut keperluan pelatih.

1.12.5 Surat khabar bahasa Melayu

Perkembangan semasa dan digital telah melahirkan dua bentuk surat khabar bahasa melayu. Surat khabar berbentuk konvensional berbentuk cetakan dan satu lagi surat khabar berbentuk atas talian(online). Surat khabar atas talian telah menjadi pilihan pembaca untuk mendapatkan maklumat semasa. Isi kandungan surat khabar konvensional lebih menyeluruh berbanding surat khabar atas talian, kandungannya agak terhad dan maklumat tidak menyeluruh . Surat khabar konvensional lebih kepada menyampaikan semua maklumat kepada pembaca dan lebih berbentuk menyeluruh

berbanding surat khabar atas talian yang berbentuk ringkas padat dan maklumat yang tertinggal.

Azean & Zaitul (2011), pula menyatakan bahawa surat khabar merupakan salah satu contoh media cetak yang melaporkan pelbagai isu semasa yang berlaku di dalam dan luar negara. Seterusnya, masyarakat Malaysia dihadang dengan pelbagai jenis pilihan surat khabar sama ada berbahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan juga Inggeris, malah mereka mempunyai kebebasan untuk memilih dan membeli mana-mana surat khabar yang diinginkan untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu semasa. Dalam kajian ini, surat khabar yang menjadi fokus kajian merupakan Berita Harian yang telah diterbitkan dari Januari hingga Oktober 2015 dan 2016 sahaja.

Tuntasnya, kajian ini dianggap relevan dengan perkembangan kajian tentang bahasa yang giat dijalankan kini. Kajian ini mengambil kira pelbagai aspek sejagat dan perkembangan dunia penerbitan di Malaysia. Justeru, dalam kajian ini menetapkan *Berita Harian* yang memaparkan berita sukan bola sepak untuk dikaji dan memberi tumpuan terhadap perlawanan bola sepak Liga Malaysia 2015 dan 2016.

1.13 Kesimpulan

Kajian berkaitan pengaruh berita sukan bola sepak terhadap sikap jurulatih dan pemain bola sepak dijalankan berdasarkan pernyataan masalah yang berlaku dalam masyarakat dan kelompangan kajian. Malah, kajian ini memberi tumpuan kepada pemain dan jurulatih bola sepak untuk memberi respons terhadap berita sukan yang dibaca mereka.

RUJUKAN

- A. M. Iskandar Haji Ahmad. (1980). *Persuratkhabaran Melayu 1976-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Aziz Yusof. (2010). *Gelagat organisasi: Satu pendekatan strategik*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Afid Ghulam. (2016). Role of mass media in communication. *International Journal of Sports. Advanced Educational Research*. 5 (1), 51-53.
- Amorose, A. J. (2007). Coaching effectiveness: Exploring the relationship between coaching behavior and self-determined motivation. In M. S. Hagger & N. L. D. Chatzisarantis (Eds.). *Intrinsic motivation and self-determination in exercise and sport* (pp. 209–227). United States: Human Kinetics.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Audit Bureau of Circulations Malaysia. (2018). ABC Circulations Figures-January to June 2018 (Newspaper- West and East Malaysia States Distribution) (Rep). Retrieved Jan 22.2019. Audit Bureau of Circulations Malaysia. [http://abcm.org.my/wp-content/reports/2018/ab-circulationfigures-jan-0-june-2018-newspaper-state Distribution.pdf](http://abcm.org.my/wp-content/reports/2018/ab-circulationfigures-jan-0-june-2018-newspaper-state-Distribution.pdf)
- Awang Sariyan. (1981). Pembinaan wacana berita yang berkesan dalam hubungan dengan pembakuan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 12 (1) , 109-118.
- Azean Idruwani Idrus & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Analisis kesilapan dalam laporan media: Morfologi dan sintaksis. In. Kamariah Kamaruddin, Arba'ie Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman (Eds.). *Kelestarian Bahasa Satu Rumpun Satu Ikatan* (pp.18-31). Serdang: Penerbit UPM.
- Bahtiar Mohamad, Hassan Abu Bakar & Mohamad Khadafi Hj. Rofie. (2004). Imej berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia. *The Malaysian Journal of Communication*, 29(2),15-68.
- Barbara, K. & Thomas, J. J. (2002). Online and in the known uses and gratification of the web for political information. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 46 (1) 54-71.
- Baron. D. P. (2006). Persistent media bias. *Journal of Economics*. 90 (1), 36.
- Becker. (1982). *Arts world front cover*. California: University of California Press.
- Bell, A. (1991). *The language of news media*. Oxford and Cambridge: Blackwell.

- Bennett, R. (1994). *The effective trainer check list: Gower handbook of training and development (2nd Ed.)*. England: Gower Publishing C. Ltd.
- Berelson, B. (1951). *Content analysis in communication research*. Glencoe: The Free Press.
- Bernard, H.W. (1965). *Psychology learning and teaching(2nd Ed.)*. New York : McGraw-Hill.
- Bhatia, V.K. (1993). *Analysing genre: Language use in professional settings*. London: Longman.
- Blumler, J. G., & Katz, E. (Eds.) (1974). *The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Butler, C.J. (2010). Internal and lateral communication in strategic alliance decision making. *An International Journal*, 15 (3), 698-712.
- Chamil Wariya. (2008). *Penulisan berkesan media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.
- Chatzisarantis, N.L.D., M.S., Biddle, S.J.H., Smith, B., & Wang, J.C.K. (2003). A metaanalysis of perceived locus of causality in exercise, sport and physical education contexts. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 25, 284-306.
- Chermak, S. (1995). Image control: How police affect the presentation of crime news. *American Journal of Police*, 14 (2), 21-43.
- Coakley, J. (2001). *Sport in society issue and controversies (7th Ed.)*. New York: McGraw-Hill International.
- Cohen, B. (1963). *The press and foreign policy*. Princeton: Princeton University Press.
- Crow & Crow. (1981). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deaner, R. O., Balish, S. M., & Lombardo, M. P. (2016). Sex differences in sports interest and motivation: *An evolutionary perspective*. *Evolutionary Behavioral Sciences*, 10(2), 73-97.
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic motivation and self determination in human behavior*. New York, NY: Plenum Press.
- Dennis, E. E. & Merrill, J. C. (2006). *Media debate great issue for the digital age*. Canada: Thomson Wardsworth.
- Ericson, R. V., Baranek, P. M., & Chan, J. B. (1991). *Representing order: Crime, law, and justice in the news media*. Milton Keynes: Open University Press.

- Finegan, R.J. (1942). Social Responsibilities of the Newspaper. *The Annals of America Academy of Political and Social Science*, 219(1), 166-168.
- Galtung, J. & Ruge, M.H. (1965). The structure of foreign news: The presentation of the Congo, Cuba and Cyprus crises in four norwegian newspaper. *Jurnal of Peace Research*, 2, 64-91.
- Gibbs, C. K., & Warhover, T. (2002). *Getting the whole story: Reporting and writing the news*. New York: Guilford Press.
- Grabe, W. (2009). *Reading a second language : Moving from theory to practice*, New York : Cambridge University Press.
- Hagan Jr, J. E., Pollmann, D., & Schack, T. (2017). *Inside sport psychology*. Human Kinetics.
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian. *Issue in Language Studies*, 1(2), 24-31.
- Hansen, A. (1998). *Mass communication research methods*. Houndwills : Palgrave Macmillan.
- Harcup, T. & O'Neil, D. (2001). What is news? Galtung and ruge revisited. *Journalism Studies*, 2 (2), 261-280.
- Harcup, T. & O'Neil, D. (2016). What is news? News values revisited(again). *Journalism Studies*, 1(1), 1-19.
- Harrison J. (2006). *News*. Oxon: Routledge.
- Hasmah Zainuddin & King, Y. (2006). Peranan akhbar dan maklum balas sosial berita jenayah akhbar Harian Metro. In Hamed Mohd. Adnan & Rahman Saari (Eds). *Media di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa* (pp. 97-118). Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Heerden, V. (2014). The relationships between motivation type and sport participation among students in a South African context. *Journal of Physical Education and Sport Management*, 5(6), 66-71.
- Herzocq, H. (1944). Motivations and gratifications of daily serial listener. In P.F. Lazarsfeld & F.N. Stanton (Eds.). *Radio Research* (pp. 1942-1943). New York, NY: Duel, Sloan and Pearce.
- Holt, R. (1989). *Sport and The British*. Oxford: Oxford University Press.
- Horn, T. S., Bloom, S., Berglun, K.M. & Packard, S. (2011). Relationship between collegiate athletes psychological characteristics and their preferences for different types of coaching behavior. *Sport Psychol*, 25 (2), 190-211.
- Hough, G. A. (1980). *News riting*. Boston: Houghton Mifflin Company.

- Hugiono & Poerwantana. (2000). *Pengantar ilmu sejarah*. Jakarta : PT Bina Aksara.
- Ibrahim Mamat. (2006). *Reka bentuk dan penguasaan latihan konsep dan amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Itule, B.D. & Anderson, D.A. (2007). *News writing and reporting for today media*. New York: McGraw-Hill International Editions.
- Jamaris Martini. (2010). *Orientasi baru dalam psikologi pendidikan*. Jakarta Pusat: Yayasan Penamas Murni.
- Jang, B. G., Conradi. K., McKenna, M. C. & Jones, J. S. (2015). Motivation. *The Reading Teacher*. 69 (2), 239-247.
- Jowett, S. & Cramer, D. (2010). The prediction of young athletes physical self from perception of relationships with parents and coaches. *Psychology of Sport and Exercise*, 11, 140-147.
- Kamus Umum Bahasa Indonesia*. (2001). Jakarta : Pustaka Sinar Harapan.
- Katz, E., Blumler, J. G., & Gurevitch, M. (1974). Uses and Gratification Research. *The Public-Opinion Quarterly*, 37(4), 509-523.
- Katz, E., Blumler, J. G., & Gurevitch, M. (1974). Utilization of mass communication by the individual. In J. G. Blumler, & E. Katz (Eds.), *The uses of mass communications: Current perspectives on gratifications research* (pp. 19-32). Beverly Hills: Sage.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundation of Behavioral Research*. New York: Holt Rinehart dan Winston.
- Kumar, R. & Priti. (2018). Effects of media on sports. *International Journal of Physical Education, Sports and Health*. 5(2), 338-339.
- Lee, K. T., Aisah Meri, Liana Mat Nayan & Siti Suriani Othman. (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 32 (2), 790-816.
- Leki, I. & Carson, J.G. (1994). Students' perceptions of EAP writing instruction and writing needs across the disciplines. *TESOL Quarterly*, 28(1), 81-101.
- Lippmann, W. (1972). *Mass media*. London: Longman.
- Lippmann, W. (2006). The nature of news. In Adam, G. S. & Clark, R. P. (Eds.). *Journalism The Democratic Craft*. Oxford: Oxford university Press.
- Lonsdale, C., Hodge, K., Hargreaves, E. A. & Ng, J. Y. Y. (2014). Comparing sports motivation scales. *Psychology of Sports and Exercise*, 15, 446-452.

- Maesener, D. P. (1986). *Inilah berita: Manual berita radio*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matheson. (2005). *Media discourse: Analysing media texts*. Kuala Lumpur: Open University Press.
- McManus, J. H. (1994). *Market driven journalism: Let the citizen Beware*. Oxford: SAGE Publications.
- McQuail, D. (1983). *Mass communication theory*. Leiden: Mark Deuze Indiana University and Leiden University.
- Metz, W. (1991). *Newswriting from Lead to "30"*. Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Meyer. (1987). *Ethical Journalism*. United State: University Press of Amerika.
- Marcone, M. (2017). *The impact of coaching styles on the motivation and performance of athletes*. Thesis Master. State University of New York.
- McCutcheon, R., Schaffer, J., & Wycoff, J. R. (1993). *Communication Matter*. United State: West Publishing Company, College and School Division.
- Milton, J. (2013). Measuring the contribution of vocabulary knowledge to proficiency in The four skills. In Bardel, C., Lindqvist, C. & Laufer, B. (Eds.). *L2 Vocabulary Acquisition, knowledge and use, New perspectives on assessment and corpus Analysis, European Second Language Association* (pp. 57-78). EUROSLA-the European Second Language Association.
- Mohamad Firdaus Ahmad, Siti Aida Lamat, Sharifah Maimunah, Muhammad Wafi A. Rahman, Nur Dalilah Dahlan, Wahidah Tumijan & Ummi Kalthum Mohd Mokhtar. (2020). Motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan atlet Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 9(1), 33-41.
- Mohd Hazli Yah@Alias. (2018). Motivasi instrinsik dan ekstrinsik pelajar dalam aktiviti kemahiran membaca teks arab. *Global Journal Al Thaqqafah*, 8(2), 1-12.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharil Nizam Sha'ari & Nor Azuwan Yaakob. (2019). Keberkesanan Penggunaan Bahasa dalam Akhbar Melayu: Tindak Balas Strategik Terhadap Literasi Kesihatan Dalam kalangan Pembaca Tempatan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6 (1), 95-109.
- Mohd Jais, Zainal (2005) Asas kewartawanan dan penulisan. In. *Bengkel Kewartawanan Foto Dan Membina Grafik News Letter*, 4-7 September 2005, Hotel Rosa Pasadena, Brinchang Cameron Highland. (Unpublished).
- Mohd. Majid Konting. (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Sobri Ishak, Azahar Kassim, Awan Ismail & Norsiah Abdul Hamid. (2012). Teori dalam penyelidikan media: Analisis tahun 2002 Hingga 2012. *Journal of Sciences And Humanities*, 13 (1),1-20.
- Mohd. Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2008). Strategi untuk mengembangkan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak berkeperluan khas. *Pendidikan Khas*, 8(2), 5-13.
- Mohd. Zuwari Mat Saad, Normah Mustafa, Abdul Latiff Ahmad & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2016). Transformasi corak penulisan Berita dalam akhbar Arus Perdana Malaysia. *Journal of Science and Humanities*,11 (1), 300-316.
- Mosoi, A. A. (2013). Skills and motivation of junior tennis players. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 78, 215-219.
- Muh.Ngafuan. (1995). *Memburu uang dengan Jurnalistik (Petunjuk Praktis Menjadi Wartawan Top)*. Solo : C.V. Aneka.
- Mustakim Aminuddin. (2010). *Peranan Media dalam Sukan*. Seminar Sukan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM, Shah Alam.
- Nadler, L. (1970). *Developing Human Resource*. Houston: Gulf Press.
- Najah Rejeb. (2016). Psychological characteristics of male youth soccer players: Specificity of mental attributes according to age categories. *Advances in Physical Education*, 6 (1), 19-26.
- Newcomb, T. M. (2013). *Social psychology*. Jakarta: Diponegoro Press.
- Newcomb, M.D., & Felix-Ortiz, M. (1992). Multiple protective and risk factors for drug use and abuse: Cross-sectional findings. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63 (2), 280-296.
- Newsom, D., & Wollert, J. A. (1988). *Media writing: preparing information for the mass media*. United State: Wadsworth Publishing Company.
- Niblock, S. (2005), What is news? Pracice and theory *in print journalism the democratic craft*. Oxford : Oxford University Press.
- Norsaleha Mohd. Ariffin, Nabilah Yaakub & Nelfianty Mohd. Rasyid. (2019). Perkataan orientasi matlamat dan keseronokan dalam kalangan atlet hoki UPSI. *Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani*, 8(2), 35-43.
- Norzina Yahya, Sinar, 1 September 2019.
- Park, B. (2002). Does the PVLТ provide an accurate measure of productive vocabulary knowledge? *English Teaching*, 67(2), 159-183.

- Pekan Ramli, Tajul Ariffin Muhammad & Norlena Salamuddin. (2019). Liputan kandungan dan penerbitan berita sukan dalam akhbar Harian di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44 (1), 93-107.
- Pelletier, L. G., Fortier, M. S., Vallerad, R. J., Tuson, K. M., & Briere, N. M. (1995). Toward a new measure of intrinsic motivation, extrinsic motivation, and a motivation in sports : The Sport Motivation Scales (SMS). *Journal of Sport and exercise Psychology*, 17, 35-43.
- Pelletier, L. G., Rocchi, M. A., Vallerand, R.J., Deci, E. L. & Ryan, R. M. (2013). Validation of the revised Sport Motivation Scale (SMS-II). *Psychol Sport Exer*, 14 (1), 329-341.
- Rahim, S. A., & Pawanteh, L. (2010). The local content industry and cultural identity in Malaysia. *Journal of Media and Communication Studies*, 2(10), 215-220.
- Ramanathan, S. (1995). Social and Cultural Influences on journalism values in Malaysia. *Seminar on Asian Values in Journalism*, Kuala Lumpur.
- Rich, C. (2000). *Writing and reporting news: A coaching method*. United State: Belmont University Press.
- Riffaterra. (1978). *Semiotic of poetry*. Bloomington & London : Indian University Press.
- Rohaty Mohd. Najib. (1992). *Psikologi perkembangan untuk bakal guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Rowe, D. (1992). Modes of sports writing. In P. Dahlgreen, & C. Sparks (Eds.), *Journalism and Popular Culture* (pp. 96-112). London and Newbury Park, CA: Sage.
- Rozin, P. & Royzman, E. B. (2001). Negativity bias, negativity dominance and contagion. *Personality and Social Psychology review*, 5(4), 296-320.
- Ryan, R.M. & Deci, E.L. (2000a). Self Determination Theory and the Facilitation of Intrinsic Motivation, Social Development, and Well-Being. *America Psychologist* 55(1): 68-78.
- Ryan, R.M. & Deci, E.L. (2000b). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology* 25(-): 54-67.
- Sarimah Ismail & Hamed Mohd. Adnan. (2011). Profil ruangan sukan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13 (2), 75-91.
- Seng, T. J. (1994). Wacana berita sukan dalam akhbar bahasa Melayu: Satu analisis makro struktur semantik. *Tesis Doktor Falsafah*, Universiti Malaya.

- Seng, T. J. (1993). *Sintaksis wacana 'yang' dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharudin Abd. Aziz. (2005). Perkaitan antara matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet Sukma Negeri Perak di Kejohanan Sukma 2004. *E-Wacana Penyelidikan UPSI*, 13, 1-14.
- Shamsudin A. Rahman. (2003). Kredibiliti Media dan penyertaan dalam persekitaraanpengdemokrasian maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi : Malaysia Journal of Communication* 29(1).
- Sharil Nizam Sha'ri. (2010). Aplikasi teori dan format penyuntingan bahan linear dalam surat khabar bahasa Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Sharizan Sailan. (2015, September 18). Bilangan pembaca BH meningkat kepada 1.225 juta. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/node/82929>
- Shoemaker, P. J. (2006). *News and newsworthiness: A commentary. Communications*, 31 (1), 105-111.
- Shoemaker, P. J., & Cohen, A. A. (2012). *News Around the World: Content Practitioners and the Public*. London: Routledge.
- Sidek Mohd. Noah. (2007). *Modul pembelajaran: EDU 5900 reka bentuk penyelidikan*. Serdang : Penerbit UPM.
- Siti Suraini Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. (2013). Pemilihan Berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 29 (2), 51-68.
- Smoll, F. L., & Smith, R. E. (2002). Coaching behavior research and intervention in youth sports. *Children and youth in sport: A biopsychosocial perspective*, 2, 211-234.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11 (1), 214-226.
- Standage, M., Duda, J. L. & Ntonmanis, N. (2003). *Predicting motivational regulation in physical education: The interplay between dispositional goal orientations, motivational climate and perceived competence. Journal of Sports Sciences*, 21 (8), 631-647.
- Sulaiman Masri. (1990). *Penulisan berita dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (1993). *Panduan menulis berita dan rencana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sulaiman Masri & Razali Ayob. (2002). *Komunikasi kewartawanan: Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Sumadiria. (2005). *Jurnalistik Indonesia: Menulis berita dan feature*. Bandung: Sinbosa Rekautama Media.
- Syed Arabi Idid. (1993). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Upik Adhita Sari Eka Putri. (2016). Strategi Komunikasi program “Anti Pemadaman (Zero Trip Feeder)” PT PLN (Persero) area Surakarta PT PLN (Persero) dalam mengurangi pemadaman Isitik tahun 2014. *Tesis Sarjana*. Universitas Sebelas Maret Surakarta.
- Vilashini Somiah, Azizan Hamzah, Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Azlina Abdul Aziz. (2010). Liputan berita tentang Indonesia di Malaysia: Analisis Kandungan utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 53-67.
- Walczak, M. & Tomezak, M. (2019). Validation of the polish version of Sports Motivation Scale (SMS): Effect on gender, level of participation and sport type on intrinsic and extrinsic motives. *Trends in Sports Sciences*, 26(4), 187-195.
- Walizer, M. H., & Wiener, P. L. (1978). *Research methods and analysis*. New York: Harper Press.
- Walker, R. (2011). *Strategic management communication for leaders* (2nd Ed.). USA: South Western Lengape Learning.
- Wan Idros Wan Sulaiman, & Maizatul Haizan Mahbob. (2014). Kesignifikanan model kepuasan komunikasi dalam konteks pengurusan maklumat sector awam. *Malaysian Journal of Communication*, 30(1), 97-115.
- Wan Idros Wan Sulaiman & Maizatul Haizan Mahbob. (2015). Hubungan komunikasi keorganisasian dengan perancangan strategik modal insan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 1-14.
- Wan Maharuddin Hj. Wan Sulaiman. (1990). Kredibiliti Akhbar Tempatan: Satu Analisis mengenai Isu politik Semasa. *Tesis Sarjana*. Universiti Putra Malaysia.
- Wang, J. C. K., Koh, K. T., & Chatzisarantis, N. (2019). An intra-individual analysis of players perceived coaching behaviors, psychological needs, and achievement goals. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 4(2), 177-192.
- Waterhouse, K. (1998). *Waterhouse on Newspaper Style*. London: Penguin.
- Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (1991). *Mass media research: An introduction* (9th Ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Zawiyah Mohammad Yusof. (2009). *Kemahiran komunikasi*. Ampang: Dawana Sdn Bhd.

BIODATA PELAJAR

Vivekananda A/L N.Marie dilahirkan pada 12 January 1967, anak kelima daripada enam adik-beradik. Anak kepada N.Marie Chetty dan K.Lakshmi. Pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Tunku Besar, Tampin dan seterusnya ke SMK Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan.

Pada tahun 1993, berjaya menamatkan Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajaran B.Melayu sebagai Bahasa Pertama di UPM. Seterusnya melanjutkan pengajian dalam bidang Sarjana dalam bidang Pengurusan Pendidikan di UPM pada tahun 1999.

Bidang kerjaya perguruan bermula apabila ditempatkan di SMB St Patrick, Mukah, Sarawak dari tahun 1993 sehingga 1995. Penempatan kedua di SMK Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan sehingga kini.

Mendirikan rumah tangga dengan seorang jururawat, Puan K.Sri Selva dan dikurniakan dengan 2 cahaya mata, kedua-duanya lelaki.

SENARAI PENERBITAN

- Vivekananda a/l N. Marie, Sharil Nizam Sha'ri, Hasnah Mohamad, Rohaidah Kamaruddin, Mohd Hazreen Shah Hassan, Ahmad Alfikrey Ahmad Japar & Nurul Fadzlin Mohd Asri. (2019). Mencari Cahaya oleh Salina Ibrahim. *JAUHAR* . Jilid 3, Bil 1: 11-16.
- Sharil Nizam Sha'ri, Hafizan Azman, Mohd Asri Ismail, Vivekananda M A A/L N. Marie. (2016). Retorik dalam Risalah Iklan Makanan Segera di Seksyen 7, Shah Alam, Selangor. *Jurnal Kesidang*. Volume 1, Nombor 1:102-127.
- Vivekananda a/l N. Marie, Sharil Nizam Sha'ri, Hasnah Mohamad, Rohaidah Kamaruddin, (2021) Pengaruh Penggunaan Bahasa Dalam Laporan Berita Sukan Bola Sepak Terhadap Sikap Jurulatih dan Pemain. *Al-Qiyam-International Science* Vol 4, No 1(2021), Online Publication 31 Mac 2021.
- Vivekananda a/l N. Marie, Sharil Nizam Sha'ri, Hasnah Mohamad, Rohaidah Kamaruddin,(2021) Pengaruh Laporan Berita Sukan Terhadap Jurulatih dan Pemain Bola Sepak. *The Journal of Humanities and Social Science*. Vol 8 Bil.1 Mei 2021.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGARUH LAPORAN BERITA SUKAN TERHADAP SIKAP JURULATIH DAN PEMAIN BOLA SEPAK

NAMA PELAJAR : VIVEKANANDA A/L N. MARIE

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]